

**PELAN RESPONS DAN
KESIAPSIAGAAN BAGI
COVID-19
DAN PENYAKIT
BERJANGKIT LAIN**

PELAN RESPONS DAN KESIAPSIAGAAN BAGI

C  **VID-19**

DAN PENYAKIT BERJANGKIT LAIN

Versi 1.0
1 Mei 2020

Taskforce COVID-19 @ UMK



ISI KANDUNGAN

PASUKAN <i>TASKFORCE</i>	iv
PENGHARGAAN	v
KATA PENGANTAR	vi
1.0 PENGENALAN	1
1.1 PANDEMIK COVID-19	1
1.2 RASIONAL	2
1.3 PASUKAN <i>TASKFORCE</i>	2
1.3.1 Tugas	3
1.3.2 Skop	3
2.0 DEFINISI KES	5
2.1 ORANG YANG SEDANG DISIASAT	5
2.2 KES YANG DISAHKAN	6
2.3 DEFINISI KONTAK RAPAT	6
3.0 OBJEKTIF	7
3.1 UMUM	7
3.2 KHUSUS	7
4.0 CARTA ORGANISASI DAN JAWATANKUASA	8
4.1 JAWATANKUASA PUSAT RESPONS CONVID-19	8
4.1.1 Terma Rujukan	8
4.2 JAWATANKUASA BILIK GERAKAN	8
4.2.1 Terma Rujukan	9
4.3 JAWATANKUASA KAMPUS RESPONS CONVID-19	11
4.3.1 Terma Rujukan	11
4.4 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB	12
4.4.1 Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	12
4.4.2 Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)	13
4.4.3 Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	14

4.4.4	Pendaftar	14
4.4.5	Bendahari	14
4.4.6	Penasihat Undang-undang	15
4.4.7	Pusat Pengurusan Pembangunan & Infrastruktur	15
4.4.8	Pusat Komputeran dan Informatik	15
4.4.9	Bahagian Keselamatan	16
4.4.10	Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan	16
4.4.11	Pusat Kesihatan Universiti	17
5.0	RANGKA KERJA PENGURUSAN WABAK	18
6.0	RANGKA KERJA PELAN TINDAKAN COVID-19 MENGIKUT FASA	20
6.1	FASA PENCEGAHAN	20
6.2	FASA KAWALAN	22
6.3	FASA PEMBENDUNGAN AWAL	25
6.4	FASA PEMBENDUNGAN LEWAT	28
6.5	FASA MITIGASI	30
6.6	FASA PASCA-KEMUNCAK	32
6.7	FASA PASCA-WABAK	33
7.0	BILIK OPERASI WABAK	35
7.1	KRITERIA MEMULAKAN BILIK OPERASI	35
7.2	FOKUS KEUTAMAAN MENGIKUT FASA	35
8.0	SISTEM SURVEILAN KESIHATAN AWAM	38
8.1	MEKANISMA AMARAN	39
8.1.1	Pemberitahuan Mandatori	39
8.1.2	Pengawasan Berasaskan Makmal	39
8.1.3	Pengawasan Sindromik	39
8.1.4	Pengawasan Khabar Angin	40
8.1.5	Pengawasan Berasaskan Acara	40

8.2	PERANAN PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI	41
8.2.1	Peranan dan Fungsi Umum	41
8.2.2	Proses Pengaktifan dan Tanggungjawab	42
9.0	AKTIVITI PENGURUSAN WABAK	43
9.1	SARINGAN DAN TINDAKAN MEKANISMA PERINGATAN	43
9.2	PENGAWASAN KENDIRI DIRUMAH	44
9.3	PENGESANAN KONTAK	44
9.4	PENGURUSAN DATA	44
10.0	PENINGKATAN TINDAKAN PENCEGAHAN PRIMER	46
11.0	KOMUNIKASI RISIKO	48
11.1	PRINSIP DAN ELEMEN	48
11.2	PELAN TINDAKAN KOMUNIKASI	48
12.0	PENYELARASAN AKTIVITI	49
12.1	PERINGKAT SEKRETARIAT	49
12.2	PENYELARASAN DENGAN AGENSI UTAMA	49
12.3	PENYELARASAN DALAM UNIVERSITI	50
12.4	PENYELARASAN DENGAN UNIVERSITI LAIN	51
13.0	LATIHAN DAN PEMBINA KEUPAYAAN	52
13.1	JENIS LATIHAN	52
13.2	MODUL LATIHAN	52
13.3	KAEDAH LATIHAN	53
13.4	SASARAN	53
14.0	PENGURUSAN INVENTORI DAN BEKALAN	54
	LAMPIRAN 1: SENARAI PUSAT SARINGAN	55
	LAMPIRAN 2: PERNYATAAN MENYELURUH TENTANG COVID-19	56
	LAMPIRAN 3: SENARAI GARIS PANDUAN PENCEGAHAN WABAK COVID-19 ... UMK	58
	RUJUKAN	59



Pasukan *Taskforce*

PENASIHAT

Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi Ismail
Naib Canselor, Universiti Malaysia Kelantan

KETUA PASUKAN

Prof. Madya Ts. Dr. Zailani Abdullah
Pengarah, Pusat Strategik Universiti

KEAHLIAN

1. Puan Mazula Sabudin (*Pendaftar*)
2. Prof. Dr. Ahmad Rasdan Ismail (*Pengarah CMeOSH*)
3. Dr. Aswan Ismail (*Pengarah Pusat Kesihatan Universiti*)
4. Ts. Wan Azlee Wan Abdullah (*Pengarah Pusat Komputeran & Informatik*)

PENYELARASAN

Normawati Mohamad
Penolong Pendaftar Kanan



Penghargaan

Pasukan taskforce ini ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi Ismail atas kepercayaan yang diberikan kepada kami dalam usaha menyiapkan rangka kerja pelan respons dan kesiapsiagaan ini. Usaha penyempurnaan pelan ini bukan sahaja sangat bertepatan dan relevan dengan perkembangan semasa ketika ini dalam menghadapi pandemik COVID-19 malah juga untuk penyakit berjangkit lain di masa hadapan. Tanpa sokongan dan dokongan dari pihak YBhg. Dato' Naib Canselor, tidak mungkin pelan ini dapat dihasilkan dalam tempoh masa dan sumber yang agak terhad.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas sumbangan beberapa individu lain di dalam proses pembangunan dan penyuntingan dokumen ini. Penggaraban pelan ini adalah berdasarkan kepada beberapa sumber maklumat yang diperolehi sama ada dari dalam mahupun dari luar UMK. Sumber maklumat yang digunakan ini sebenarnya telah sedikit sebanyak diubah-suai agar bersesuaian dengan acuan UMK. Semestinya, kepakaran dalam kalangan ahli *taskforce* juga banyak menyumbang dalam memberikan saranan idea bernas dalam menghasilkan pelan ini untuk kegunaan semasa dan masa hadapan.

Kata Pengantar

Seluruh dunia hari ini telah dikejutkan dengan penularan diluar jangkauan *Coronavirus* yang dikenali sebagai COVID-19. Malaysia sebagai salah sebuah negara di Asia Tenggara telah turut terkesan dan mengambil langkah proaktif dengan memulakan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula dari 14 Mac 2020 lagi. Universiti Malaysia Kelantan (UMK) turut menerima impak pandemik COVID-19 dan bergerak seiringan dengan kerajaan dalam menanganinya.

Sehubungan itu, "Pelan Respons dan Kesiapsiagaan bagi Penyakit COVID-19 dan Penyakit Berjangkit Lain" telah dibangunkan untuk memberikan sedikit-sebanyak panduan umum dari aspek kesiapsiagaan, respons dan komunikasi yang sangat diperlukan bagi menentang pandemik COVID-19. Malahan pelan ini juga bersifat terkehadapan dengan turut merangkumkan wabak penyakit berjangkit lain dimasa hadapan yang sudah pasti akan mendatangkan ancaman dan kecemasan kepada kesihatan awam.

Pelan ini sebenarnya akan menyediakan rangka kerja suatu pelan respons dan kesiapsiagaan, yang agak fleksibel, dinamik, dan terkehadapan bagi meminimumkan impak penularan wabak penyakit berjangkit tersebut kepada UMK dengan sebaik mungkin. Adalah menjadi suatu keutamaan kepada pihak Universiti untuk mengambil tindakan-tindakan berkesan yang tepat pada masanya dalam usaha bagi melindungi kesihatan dan keselamatan kepada semua warga kampus.

Pada asasnya, pelan ini adalah merupakan gabungan dua bahagian utama yang menggariskan pelan koordinasi, prosedur dan dasar pemantauan terhadap penyakit berjangkit di kalangan warga kampus. Penekanan khusus adalah diberikan kepada penyelarasan di pelbagai pusat / jabatan / bahagian / unit mengenai aspek pengurusan kes, pencegahan, pengawalan dan pengurangan penyakit yang sedang berlaku serta juga wabak penyakit berjangkit lain di masa akan datang.

Insya Allah, kami juga berharap pelan ini dapat digunakan dengan sebaiknya secara praktikal dan berkesan. Melalui semangat dan kerjasama berpasukan yang tinggi dari kesemua pihak, adalah diharapkan agar wabak penyakit berjangkit lain di masa hadapan akan dapat dikendalikan dengan cara yang lebih berstruktur dan sistematik.

Pasukan *Taskforce*

Mei 2020

SINGKATAN

B40	<i>Bottom 40%</i> Pendapatan isi rumah sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan (pengkelasan oleh Jabatan Statistik Malaysia)
M40	<i>Middle 40%</i> Pendapatan isi rumah sekurang-kurangnya RM6,275 sebulan (pengkelasan oleh Jabatan Statistik Malaysia)
BPA	Bahagian Pengurusan Akademik
CCI	<i>Center for Computing and Informatics</i> Pusat Komputeran dan Informatik
CMeOSH	<i>Centre of Management Environment, Occupational Safety and Health</i> Pusat Pengurusan Persekitaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
CPRC	<i>Crisis Preparedness and Response Center</i> Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis
COVID-19	Penyakit Virus Corona Baharu 2019
HEPA	Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
ID	<i>Infectious disease</i>
ILI	<i>Influenza-like Illness</i>
JPU	Jawatankuasa Pengurusan Universiti
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
MAKESUM	Majlis Kesihatan Univesiti Awam Malaysia
OSH	<i>Occupational, Safety and Health</i>
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PKD	Pejabat Kesihatan Daerah (<i>District Health Office</i>)
PUI	<i>Person Under Investigation</i>
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKU	Pusat Kesihatan Universiti
PTj	Pusat Tanggungjawab
PPE	<i>Personal Protective Equipment</i> Alat Pelindungan Diri
SARI	<i>Severe Acute Respiration Infection</i> Jangkitan Pernafasan Akut yang Teruk
SOP	<i>Standard Operating Procedure</i>
TOR	<i>Term of References</i> (Terma Rujukan)
UMK	Universiti Malaysia Kelantan
WHO	<i>World Health Organization</i>
3PI	Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur

DEFINISI OPERASI

Endemik	Kehadiran secara berterusan kelaziman sesuatu penyakit / agen jangkitan di populasi dalam satu-satu kawasan geografi yang sama.
Epidemik	Peningkatan kelaziman penyakit atau agen berjangkit di populasi dalam satu-satu kawasan geografi.
Kluster	Kluster penyakit atau kluster jangkitan adalah satu kumpulan yang mempunyai keadaan kesihatan yang sama di mana ia berlaku di dalam kawasan yang sama dan masa yang sama.
Komunikasi Risiko	Pertukaran maklumat dua hala di antara pihak yang berkenaan mengenai bentuk, kepentingan dan / atau kawalan bagi sesuatu risiko.
Kuarantin	Pemisahan seseorang atau kumpulan orang yang dipercayai terdedah kepada suatu penyakit berjangkit namun belum mempunyai gejala daripada orang lain yang sememangnya telah terdedah bagi tujuan menghalang penularan penyakit berjangkit.
Pandemik	Wabak yang berlaku di seluruh dunia, atau di kawasan yang sangat luas, melintasi sempadan antarabangsa dan kebiasaannya akan mempengaruhi sebilangan besar orang.
Penjarakkan Sosial	Kepelbagaian kaedah bagi mengurangkan hubungan fizikal antara manusia dan bergantung kepada kaedah penyebaran penyakit berjangkit seperti penjarakkan sosial sejauh 1 meter bagi penyakit COVID-19.
Survelian Kesihatan Awam	Pengumpulan, penganalisan dan penafsiran data yang berkaitan dengan kesihatan secara berterusan dan sistematik bagi tujuan perancangan, pelaksanaan, dan penilaian amalan kesihatan awam.
Wabak	Peningkatan kelaziman sesuatu penyakit/ agen jangkitan di populasi dalam kawasan yang terhad dalam satu-satu kawasan geografi berbanding epidemik. Kadang-kadang menggunakan definisi yang sama dengan epidemik namun kebiasaannya digunakan di kawasan geografi yang lebih terhad.

SEKSYEN A

GARIS PANDUAN DAN PELAN RESPONS BAGI PANDEMIK COVID-19

1.0 PENGENALAN

1.1 PENDEMIK COVID-19

Pada Disember 2019, satu kluster pneumonia telah berjaya dikesan di Wuhan, China. Negara China telah membuat pemberitahuan kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berkenaan wabak tersebut secara rasminya pada 31 Disember 2019 dan pasar harian di Huanan telah ditutup sepenuhnya pada 1 Januari 2020. Pada 7 Januari 2020, saintis China telah mengenalpasti agen jangkitan iaitu satu virus baharu iaitu *coronavirus* baharu yang kemudiannya digelarkan 2019-Novel Coronavirus (2019-NCOV) pada 12 Januari 2020 oleh WHO.

Pada 30 Januari 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan bahawa COVID-19 adalah "kecemasan kesihatan awam yang membimbangkan antarabangsa". Semua negara sedang bersedia untuk menangani pandemik ini. Pada 11 Februari 2020, WHO secara rasminya telah menamakan penyakit tersebut sebagai *CoronaVirus Disease 2019* (COVID-19) dan virus penyebabnya sebagai SARS-CoV-2. Pada 1 Mac 2020, seramai 79,968 kes telah disahkan di China termasuk 2873 kematian. Sehingga 01 Mei 2020, WHO telah melaporkan bahawa bilangan kes diseluruh dunia telah melebihi 3.3 juta, dengan angka kematian menghampiri 250,000 orang. Negara yang paling teruk terkesan adalah Amerika Syarikat dengan kes melebihi 1.1 juta orang dengan kematian menghampiri 65,000 orang dan diikuti oleh Sepanyol, Itali, Perancis, United Kingdom dan Jerman.

COVID-19 telah pertama kali dilaporkan di Malaysia pada 2 Januari 2020. Gelombang pertama ini kemudiannya berakhir pada 17 Februari 2020 dengan melibatkan hanya 22 kes. Walau bagaimanapun, Malaysia mengalami detik cemas apabila mula merekodkan kes-kes baharu bermula 27 Februari 2020 dan statistik ini terus meningkat setiap hari. Sehingga 01 Mei 2020, jumlah kes yang disahkan di Malaysia ialah melebihi 6,000 dan melibatkan angka kematian melebihi 100 orang. Pada 16 Mac, Perdana Menteri mengumumkan perintah kawalan pergerakan (PKP) bermula dari 18 hingga 31 Mac 2020. Bagaimanapun,

penyebaran arahan yang lemah telah menyebabkan berlakunya pergerakan besar-besaran dalam kalangan masyarakat umum dan termasuklah pelajar universiti. Melihat kepada kes yang terus meningkat dari semasa ke semasa, kerajaan terpaksa melaksanakan 4 kali PKP dan dijangka akan tamat pada 12 Mei 2020. Namun, masih tidak jelas kemungkinan bahawa kerajaan tidak akan menambahkan lagi PKP berdasarkan kepada beberapa kenyataan rasmi yang dikeluarkan.

Melihat kepada pandemik COVID-19 yang sukar diramal pengakhirannya, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) termasuk Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sangat memerlukan persiapan rapi bagi menangani peningkatan pandemik dan mengesyorkan tindakan untuk meminimumkan impak kesihatan dan sosial kepada pelajar dan staf UMK. Sehubungan itu, suatu pelan respons dan kesiapsiagaan bagi menangani wabak penyakit berjangkit lain pada masa hadapan merupakan satu yang sangat mustahak, perlu disegerakan dan diberi keutamaan.

1.2 RASIONAL

Memberikan keutamaan kepada kesihatan awam adalah sangat penting dalam menghadapi fenomena penularan wabak dalam konteks komuniti yang 'tertutup'. IPT seperti UMK dengan jumlah warga kampus yang melebihi 11,000 orang boleh meningkatkan risiko untuk penularan wabak berlaku. Pada peringkat permulaan kluster wabak, pihak berkuasa universiti / kampus perlu untuk menganalisis tahap keterukan wabak itu dan kemudiannya mengesyorkan tindakan kesihatan awam yang bersesuaian bagi melindungi kesihatan warga kampus yang terdiri dari para pelajar dan staf. Berdasarkan kepada data institusi ini, kemudiannya baharulah boleh dianalisis bagi meramalkan kedudukan sebenar bagi kluster berkenaan.

Memandangkan ketiadaan *Standard Operating Procedure* (SOP) / garis panduan untuk pihak berkuasa Universiti mengenai pengurusan wabak penyakit berjangkit selain COVID-19, kerangka kepada pelan respons dan kesiapsiagaan

ini amat bertepatan dan diperlukan dalam menghadapi situasi penularan penyakit berjangkit yang mungkin berlaku lagi di dalam kampus pada masa hadapan.

1.3 PASUKAN *TASKFORCE*

Seperti yang diarahkan oleh Naib Canselor UMK, *taskforce* ini mencadangkan strategi semasa dan juga jangka panjang yang akan diselaraskan dan dilaksanakan oleh pelbagai pihak berkepentingan di UMK sebagai respons kepada wabak penyakit berjangkit COVID-19 dan penyakit berjangkit lain pada masa hadapan.

1.3.1 TUGAS

Tugas utama *taskforce* adalah untuk mencadangkan pelan mengenai;

- pencegahan, pengawalan dan pengurangan risiko dan seterusnya mengurangkan impak COVID-19 dalam komuniti kampus UMK.
- respons dan kesiapsiagaan bagi menghadapi wabak penyakit berjangkit lain pada masa hadapan di UMK.

1.3.2 SKOP

- Bidang utama *SOP* / garis panduan ini adalah untuk meminimumkan impak COVID-19 terhadap kesihatan dan kesejahteraan sosial pelajar dan staf, dengan menekankan aspek kesihatan awam komuniti UMK sahaja, dan tidak memberi tumpuan kepada impak akademik, pentadbiran dan ekonomi kepada UMK.
- Garis panduan mengenai pengurusan kes klinikal COVID-19 adalah di bawah kuasa Pusat Kesihatan Universiti (PKU) dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) terbabit.
- Pembangunan kerangka garis panduan dan pelan respons ini adalah berdasarkan kepada keupayaan kapasiti, dasar dan kepakaran yang

sedia ada dalam Kampus UMK. Walau bagaimanapun, andaian terbaik mengenai struktur dan kemudahan di kampus cawangan telah dipertimbangkan untuk menjadikannya sesuai dan boleh dilaksanakan.

- Cadangan adalah berdasarkan kepada maklumat semasa mengenai COVID-19, strategi sedia ada sama ada yang dilaporkan di dalam mahupun di luar negara. Oleh yang demikian, adalah menjadi keperluan untuk kerangka garis panduan ini dikemaskini dari semasa ke semasa.

2.0 DEFINISI KES

Pada peringkat awal sesuatu wabak baharu yang tidak pernah wujud sebelum ini, pihak PKU perlu mendapatkan DEFINISI KES atau "CASE DEFINITION" sama ada dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) atau dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Definisi kes diwujudkan bagi tujuan pengawasan dan pelaporan, dan ia boleh berubah dari semasa ke semasa berdasarkan kepada Garis Panduan Pengurusan kes COVID-19 yang dikeluarkan oleh pihak KKM.

Definisi kes berikut adalah bagi tujuan pengawasan dan pelaporan; orang yang sedang disiasat (*person under investigation*, PUI) dan mengesahkan kes jangkitan virus COVID-19. Ini adalah berdasarkan kepada Garis Panduan Pengurusan COVID-19 No.5 / 2020 yang telah dikemaskini terakhir pada 24 Mac 2020 oleh KKM.

2.1 ORANG YANG SEDANG DISIASAT

- Mengalami gejala jangkitan pernafasan akut (sekurang-kurangnya satu daripada gejala berikut iaitu batuk atau sakit tekak atau sesak nafas) dengan atau tanpa demam.

DAN

- perjalanan/ tinggal di negara asing dalam masa 14 hari sebelum bermulanya gejala.

ATAU

- kontak rapat dalam 14 hari sebelum permulaan gejala dengan kes COVID-19 yang disahkan.

ATAU

- menghadiri acara / program yang berkaitan dengan wabak COVID-19 yang diketahui.

2.2 KES YANG DISAHKAN (*CONFIRMED CASE*)

Seseorang yang mempunyai pengesahan makmal terhadap jangkitan COVID-19.

2.3 DEFINISI KONTAK RAPAT

- Pendedahan berkaitan dengan penjagaan kesihatan, tanpa alat pelindung diri (*Personal Protective Equipment, PPE*) yang sesuai (termasuk menyediakan penjagaan langsung untuk pesakit COVID-19), bekerja dengan pekerja penjagaan kesihatan yang dijangkiti COVID-19, melawat pesakit atau tinggal di persekitaran dekat yang sama dengan pesakit COVID-19.
- Bekerjasama dengan berdekatan atau berkongsi persekitaran yang sama dengan pesakit COVID-19 yang disahkan. Berada secara bersemuka lebih daripada 15 minit dengan jarak kurang dari 1 meter (6 kaki).
- Mengembara bersama-sama pesakit COVID-19 dalam apa-apa jenis kenderaan (jarak dalam kenderaan kurang dari 2 tempat duduk).
- Tinggal di rumah yang sama dengan pesakit COVID-19.
- Berada dalam ruang tertutup berhawa dingin lebih dari 2 jam bersama-sama dengan pesakit COVID-19.

3.0 OBJEKTIF

3.1 UMUM


Objektif umum adalah untuk memberi garis panduan umum dan mengesyorkan pelan respons untuk pencegahan dan pengawalan COVID-19 terutamanya semasa Fasa Pembendungan dan Fasa Mitigasi. Tujuan utama adalah untuk meminimumkan penyebaran dan mengurangkan impaknya di kalangan komuniti kampus UMK.

3.2 KHUSUS

- Mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 di semua kampus UMK.
- Mengawal wabak (sekiranya wujud) dari terus merebak dalam komuniti UMK.
- Menyediakan garis panduan dan *SOP* untuk pengurusan kes positif dan kontak kes secara efektif.
- Mengukuhkan tindakan kesihatan awam dan pengawasan COVID-19.
- Meningkatkan pendidikan kesihatan dan komunikasi risiko yang efektif terhadap wabak tersebut.

4.0 ORGANISASI DAN JAWATANKUASA

4.1 JAWATANKUASA PUSAT RESPONS COVID-19




Jawatankuasa Respons Pusat COVID-19 akan dipengerusikan oleh Naib Canselor UMK atau wakil yang dilantik manakala sekretariat adalah Pendaftar.

4.1.1 TERMA RUJUKAN

- Dipengerusikan oleh Naib Canselor atau wakil.
- Bertanggungjawab dalam meluluskan dan melaksanakan semua keputusan yang berkaitan dengan pencegahan dan pengawalan wabak untuk kampus UMK.
- Membuat keputusan ke atas semua tindakan yang diperlukan bagi memastikan pengawasan, pencegahan dan pengawalan yang berkesan terhadap wabak dan aktiviti penyelidikan yang berkaitan.
- Menentukan peranan dan skop aktiviti dan menyelaraskan semua aktiviti pelbagai pusat, jabatan, bahagian dan unit yang berkaitan dengan pencegahan dan pengawalan wabak.
- Meneliti dan mengesyorkan peraturan dan perundangan yang diperlukan untuk mengendalikan wabak di UMK.
- Mengadakan komunikasi dengan orang awam dan media.

- Merancang dan menyelaraskan respons universiti berdasarkan kepada fasa wabak.
- Menggubal dasar/polisi akademik dan pentadbiran universiti berdasarkan kepada tahap wabak.

4.2 JAWATANKUASA BILIK GERAKAN



Jawatankuasa pusat untuk COVID-19 dipengerusikan oleh TNC (HEPA) atau Pengarah PKU. Sekretariat adalah ketua pentadbir HEPA.

4.2.1 TERMA RUJUKAN

- Mengeluarkan *Standard Operating Procedure* (SOP) mengenai pengurusan penyebaran penyakit berjangkit, pelan persediaan dan respons.
- Memperkukuhkan pengawasan penyakit berjangkit dan sistem pengurusan data yang berkaitan.
- Membangunkan garis panduan yang bersesuaian berdasarkan kepada KKM atau WHO atau badan profesional lain dalam pengurusan kes klinikal.

- Membangunkan bahan pendidikan kesihatan dan komunikasi risiko dan menyampaikannya dengan cara yang berkesan untuk mewujudkan kesedaran, penasihat dan panduan pencegahan.
- Membuat komunikasi secara berkesan dengan para pelajar dan warga kampus.
- Mengatur dan mengkoordinasi respons universiti berdasarkan kepada fasa wabak.
- Menyebarkan panduan yang jelas berkenaan wabak kepada staf dan pelajar.
- Menjadi pusat penghubung dengan PKD atau *Crisis Preparedness and Response Center (CPRC)*, KKM.
- Menyimpan maklumat dan data pusat semua aktiviti yang berkaitan dengan siasatan dan pengurusan wabak.
- Memantau dan menilai keberkesanan terhadap langkah-langkah yang telah diambil.
- Menggabung dan menganalisis data dari semua pasukan respons kampus untuk mengesan tanda amaran awal, meramalkan wabak bagi kluster kampus dan merancang tindakan selanjutnya.
- Menilai risiko dan kadar jangkitan wabak yang berlaku di dalam kampus dan memberi input dan data berkaitannya kepada Jawatankuasa Pusat.

4.3 JAWATANKUASA KAMPUS RESPONS COVID-19



Jawatankuasa Kampus Respons COVID-19 dipengerusikan oleh Pengarah Kampus manakala Sekretariat adalah ketua pentadbir, Pejabat Pentadbiran Kampus terbabit.

4.3.1 TERMA RUJUKAN

- Dipengerusikan oleh Pengarah Kampus.
- Bertanggungjawab untuk meluluskan dan melaksanakan semua keputusan yang berkaitan dengan pencegahan dan pengawalan wabak di kampus.
- Membuat keputusan ke atas semua tindakan yang diperlukan untuk memastikan pengawasan yang berkesan, pencegahan dan pengawalan penyebaran dan aktiviti penyelidikan yang berkaitan dengannya.
- Menentukan peranan dan skop aktiviti dan menyelaraskan semua aktiviti Jabatan dan Unit di kampus berkaitan dengan pengurusan wabak.
- Mengkaji dan mengesyorkan peraturan / perundangan yang diperlukan untuk mengendalikan wabak di kampus.

- Memantau dan menilai keberkesanan langkah yang telah diambil.
- Merancang dan menyelaraskan tahap tindak balas kampus untuk wabak itu.
- Mengumpul data dan menghantar ke Jawatankuasa Bilik Gerakan/ Bertindak secara teratur.
- Mengatur pentadbiran kampus berdasarkan kepada kedudukan atau tahap wabak.
- Merancang dan mencadangkan sumber bagi kawalan wabak seperti ruang penyaringan / bilik kuarantin dan termasuk keperluan sumber manusia.
- Memastikan PKU di setiap kampus mempunyai bekalan ubatan, peralatan perubatan, PPE serta ruang saringan yang bersesuaian dan mencukupi.
- Memberi sokongan, nasihat dan bimbingan kepada semua individu dan organisasi yang terlibat secara langsung dalam menangani wabak ini.

4.4 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

4.4.1 TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

- Semua skop Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).
- Menyediakan Kalendar Akademik.
- Mengemaskini maklumat berkaitan dengan latihan industri (bilangan pelajar mengikut fakulti termasuk nama, maklumat untuk dihubungi dan lokasi syarikat serta kediaman pelajar).
- Mengemaskini data berkenaan bilangan pelajar di setiap fakulti dan maklumat terkini untuk dihubungi pada setiap semester.
- Mengemaskini data berkenaan bilangan pelajar antarabangsa, maklumat terkini untuk dihubungi dan negara asal.

4.4.2 TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)

- Mengemaskini data berkenaan bilangan keseluruhan pelajar yang menginap di kolej kediaman, rumah keluarga dan rumah sewa dan dikemaskini setiap tahun atau semester.
- Mengemaskini pelajar keluar dan masuk kampus termasuk pelajar praktikal bagi mengetahui status kesihatan dan keberadaan pelajar.
- Mengemaskini data berkenaan maklumat asas pelajar tempatan, antarabangsa termasuk siswazah dan semua pasca-siswazah seperti maklumat untuk dihubungi seperti alamat keluarga, lokasi rumah keluarga atau rumah sewa.
- Mengemaskini data berkenaan maklumat kedudukan kewangan pelajar seperti kumpulan *Below 40%* (B40) dan *Middle 40%* (M40) serta punca bantuan kewangan secara dalaman yang sedia ada.
- Membuat anggaran tentang bentuk bantuan dari segi kewangan, pengangkutan atau makanan (bahan mentah atau tersedial) untuk semua pelajar yang layak untuk dipohon kepada agensi pusat atau sumber dalaman.
- Menyediakan bilik kosong yang bersesuaian bagi tujuan kuarantin di setiap kampus bagi menampung jumlah pesakit yang diwajibkan kuarantin (sekiranya perlu).

4.4.3 TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

- Menggerakkan pasukan akademik untuk menghasilkan inovasi yang bersesuaian dengan wabak bagi petugas barisan hadapan (*frontliner*) sama ada dari dalam atau agensi luar.
- Membantu dari segi penyelidikan bagi menghadapi wabak yang berlaku seperti peralatan pencegahan, diagnostik atau pengurangan risiko.

4.4.4 PENDAFTAR

- Mengatur sumber manusia dan tatacara bekerja yang bersesuaian bagi mengurangkan risiko wabak di kalangan staf dan di dalam kampus UMK.
- Mengemaskini data berkenaan maklumat staf untuk dihubungi dari segi alamat, nombor telefon atau kaedah-kaedah perhubungan lain yang boleh digunakan terutamanya semasa berlaku kecemasan.

4.4.5 BENDAHARI

- Mengeluarkan garis panduan khusus untuk perolehan khusus bagi kerja-kerja pembelian peralatan berkaitan pencegahan, PPE atau ubatan berkaitan dengan wabak berkenaan.
- Menubuhkan tabung khusus untuk mendapatkan bantuan dana bagi menghadapi wabak dan tatacara pengendalian tabung tersebut.
- Mendapatkan dana dari agensi kerajaan pusat atau agensi luar sebagai sumber kewangan semasa mengadapai wabak berkenaan.

4.4.6 PENASIHAT UNDANG-UNDANG

- Menasihati Jawatankuasa Pusat dari sudut hal ehwal perundangan dan implikasi.

4.4.7 PUSAT PENGURUSAN PEMBANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR

- Menyediakan kenderaan dan pengangkutan bagi tujuan pencegahan, pengawalan dan pengurusan perkara yang berkaitan dengan wabak.
- Memaklumkan dan memastikan kontraktor pembersihan untuk menyedari akan kepentingan langkah pencegahan wabak dan menggunakan semua kaedah seperti penggunaan bahan pencuci, kekerapan pencucian dan sebagainya seperti yang diarahkan oleh pihak KKM.
- Mengambil semua langkah yang perlu bagi memastikan pekerja kontraktor yang melakukan kerja di kawasan kampus telah menjalani langkah pencegahan dan mematuhi semua langkah pencegahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa UMK.

4.4.8 PUSAT KOMPUTERAN DAN INFORMATIK

- Menyediakan talian *Hotline* bagi menyelaraskan maklumat dari pihak luar dan warga UMK.
- Menyediakan pelantar maklumat setempat (*One Stop Centre*) bagi semua warga UMK untuk mendapatkan maklumat terkini berkenaan wabak berkenaan.
- Menyediakan pusat data bagi mengumpul semua maklumat penting bagi kegunaan penyelarasan di semua jawatankuasa yang terlibat bermula dari peringkat kampus sehingga kepada pengurusan tertinggi.

4.4.9 BAHAGIAN KESELAMATAN

- Merancang kaedah bagi kawalan pergerakan terhadap warga UMK, pelawat atau pekerja kontraktor secara khusus selaras dengan langkah-langkah pencegahan yang digariskan oleh pihak berkuasa Universiti.
- Menyediakan *SOP* penguatkuasaan kawalan pergerakan terhadap warga UMK, pelawat dan pekerja kontraktor semasa berada di dalam kampus.
- Membantu mengendalikan saringan asas di semua pintu masuk Universiti selaras dengan langkah kawalan yang disarankan.

4.4.10 PUSAT PENGURUSAN PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

- Menyediakan *SOP* kesihatan dan keselamatan pekerjaan kepada semua staf UMK terutama yang terlibat secara langsung atau tidak dalam mengendalikan wabak (senarai *SOP* berkaitan di bahagian lampiran).
- Menyediakan *PPE* yang bersesuaian kepada semua staf UMK dalam usaha menangani wabak.
- Menguruskan komunikasi risiko yang berkesan kepada semua staf UMK.

4.4.11 PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI

- Menjadi petugas barisan hadapan utama dalam menangani pengendalian wabak diperingkat Universiti.
- Menguruskan komunikasi berkesan dengan pihak KKM bagi memaklumkan kepada Universiti tentang perkembangan terkini dan tindakan terbaik yang perlu diambil dari semasa ke semasa.
- Meneruskan operasi seperti biasa setiap hari di sepanjang tempoh penularan wabak disamping turut menyediakan saluran *hotline* dan kecemasan yang beroperasi 24 jam sehari.
- Mengawasi dengan teliti perkembangan wabak terkini di dalam kampus, memaklumkan dan seterusnya mengambil tindakan segera yang berkesan.
- Meneruskan kolaborasi dan kerjasama dengan PTj lain bagi tujuan penyediaan *SOP*, garis panduan dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan penularan wabak.

5.0 RANGKA KERJA PENGURUSAN WABAK

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menetapkan Fasa Pandemik untuk pandemik influenza pada tahun 1999 (disemak pada tahun 2005) sebagai rangka untuk pelan kesiapsiagaan dan respons terhadap pandemik. Rangka kerja ini disesuaikan dengan respons pengurusan wabak di UMK untuk COVID-19 dan kesiapsiagaan di peringkat seterusnya seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1. Fasa 1-3 dikaitkan dengan kesiapsiagaan, termasuk aktiviti pembangunan kapasiti dan pelan respons, manakala Fasa 4-7 secara jelas menunjukkan keperluan untuk respons yang lebih teguh kepada Fasa Mitigasi dan Pasca-Pandemik.

Jadual 1: Fasa Wabak UMK (Disesuaikan daripada *WHO Global Influenza Preparedness Plan*; *The Role of WHO and Recommendations for National Measures Before and During Pandemics 2005* dan *WHO Pandemic Influenza Preparedness and Plan, 1999*; 2005).

Peringkat	Nama	Diskripsi
Fasa 1	Pencegahan (<i>Prevention</i>)	<p>Tiada <u>laporan kes</u> yang disahkan di lokasi geografi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • semua kampus UMK. • kepada mana-mana staf atau pelajar UMK tanpa mengira lokasi (terutamanya kepada pelajar dan staf antarabangsa).
Fasa 2	Pengawalan (<i>Control</i>)	<p>Terdapat <u>sekurang-kurangnya satu</u>:</p> <ul style="list-style-type: none"> • kontak kes ATAU • kes yang disyaki ATAU • kes yang disahkan. <p>di kalangan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • kepada mana-mana staf atau pelajar UMK tanpa mengira lokasi (terutama kepada pelajar dan staf antarabangsa). • di mana-mana kampus UMK.

Fasa 3	Pembendungan Awal <i>(Early Containment)</i>	Berlaku kejadian wabak di kawasan berikut: <ul style="list-style-type: none"> • jajahan yang sama dengan lokasi kampus UMK • di mana-mana kampus sama ada secara kluster atau tidak Definisi Wabak: <ul style="list-style-type: none"> • Kes-kes berkaitan secara epidemiologi dalam satu tempoh inkubasi telah wujud. • Fasa ini boleh diubah menjadi Fasa 2 apabila kenalan disahkan negatif dan tiada kes primer baharu dikesan.
Fasa 4	Pembendungan Lewat <i>(Late Containment)</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Wabak semakin tidak terkawal. • Penyebaran penyakit di dalam kampus sangat meluas, dan di ditunjukkan oleh berlaku peningkatan bilangan kes-kes baharu.
Fasa 5	Mitigasi <i>(Mitigation)</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat tanda rantaian penularan penyakit di dalam kampus dan ia berupaya untuk terus kekal berlaku.
Fasa 6	Pasca-Kemuncak <i>(Post Peak)</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengurangkan bilangan kes agar jumlah keseluruhan menurun ke bawah paras Pasca-Kemuncak. Namun, bilangan kes yang sedia ada masih mampu untuk kembali merebak ke Fasa Pasca-Kemuncak.
Fasa 7	Pasca Epidemik/ Pandemik <i>(Post Epidemic/ Pandemic)</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti penyakit yang mencapai tahap endemik. ATAU • Perisytiharan epidemik tamat di peringkat negara.

6.0 RANGKA KERJA PELAN TINDAKAN COVID-19 MENGIKUT FASA

6.1 FASA PENCEGAHAN

Pada 25 April 2020, penganalisan situasi menunjukkan bahawa UMK berada di Fasa 1 bagi kesemua kampus. Walaupun demikian, WHO mengesyorkan agar pelan respons yang serupa untuk turut diambil kepada Fasa 1 hingga 3. Sehubungan itu, untuk situasi pandemik COVID-19 semasa, cadangan pelan respons untuk UMK akan difokuskan kepada Fasa 1-3, dan pada masa yang sama turut menetapkan pelan kesiapsiagaan dan respons untuk Fasa Mitigasi dan seterusnya.

KOMPONEN	PELAN TINDAKAN
Perancangan dan Penyelarasan	<ul style="list-style-type: none"> • Membangun dan mengaktifkan Jawatankuasa Bilik Gerakan. • Menyediakan dan mengemaskini pelan respons Universiti melalui kolaborasi dengan universiti lain dan merujuk kepada arahan / garis panduan yang dikeluarkan oleh KKM. • Membuat anggaran dan mempertimbangkan keperluan bekalan untuk kegunaan dalaman yang mungkin diperlukan.
Pemantauan dan Penilaian Situasi	<ul style="list-style-type: none"> • Menyemak sistem surveilan yang sedia ada dan tatacara pengumpulan data (sekiranya ada dan relevan dengan KKM/ WHO). • Menilai risiko penularan dan banyak bergantung kepada maklumat wabak dari WHO / KKM. • Membuat penilaian dan pengurusan risiko untuk setiap kampus. • Merekod dan membuat pemberitahuan tentang penemuan hasil surveilan kepada PKD berdekatan. • Menilai bebanan akibat wabak tersebut untuk membuat anggaran keperluan tambahan semasa pandemik (sekiranya berlaku). • Menyediakan pelan untuk pemantauan berterusan terhadap keperluan maklumat, penilaian impak dan keperluan sumber semasa pandemik berlaku (staf yang tidak dapat hadir bekerja, kumpulan yang

	<p>berisiko tinggi, staf PKU, staf dari jabatan utama / perkhidmatan penting, barang berkaitan penjagaan kesihatan, kemampuan PKU mengendalikan penyakit / pesakit / keperluan ruang tambahan di dalam atau di luar kampus).</p>
<p>Mengurangkan penyebaran penyakit</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan Definisi Kes kepada semua staf PKU. • Memberikan taklimat berkaitan wabak kepada semua staf PKU. • Membuat persediaan <i>SOP</i> sekiranya maklumat mencukupi bagi pengurusan klinikal pesakit (sumber KKM).
<p>Respons Sistem Kesihatan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan semua pihak berkaitan dapat mengambil tindakan sewajarnya bagi mengurangkan risiko yang dikenalpasti dengan segera. • Mengenalpasti tatacara pembasmian kuman (<i>disinfection</i>) yang diwartakan dan perolehan PPE. • Membuat penilaian terhadap persediaan sistem kesihatan dengan membuat penanda aras dengan bantuan Majlis Kesihatan Universiti Awam Malaysia (MAKESUM) atau garis panduan dari KKM. • Memastikan mekanisma arahan dan kawalan sistem kesihatan adalah jelas dan teratur semasa pandemik. • Mengenalpasti keutamaan dan persediaan sistem kesihatan dalam setiap fasa jangkitan termasuk sistem saringan (<i>triage</i>), keupayaan kapasiti maksimum, pengaturan sumber manusia dan sumber bekalan perubatan. • Mendapatkan <i>interim</i>: pengesanan kes, rawatan, protokol rawatan (dari KKM / WHO) dan panduan kawalan jangkitan silang. • Mewujudkan prosedur keselamatan pengendalian spesimen makmal (sekiranya ada). • Membuat anggaran keperluan bekalan ubatan dan bahan perlatan lain disamping mengaturkan urusan perolehan bagi jaminan bekalan semasa pandemik berlaku. • Meningkatkan kesedaran dan mengukuhkan latihan kepada semua staf PKU mengenai pandemik yang mungkin berlaku. • Mengadakan latihan pelan kontigensi secara berkala termasuk tatacara arahan dan kawalan semasa pandemik.

<p>Komunikasi Risiko</p>	<ul style="list-style-type: none"> • PKU menyediakan maklumat berkenaan pendidikan kesihatan bagi tujuan pemakluman dan kesiapsiagaan kepada semua warga UMK dalam menghadapi wabak. • Mengukuhkan komunikasi risiko yang berkaitan wabak dengan mengambilkira maklumat terkini dari sumber KKM / WHO. • Merancang dan menguji kapasiti sedia ada bagi memastikan ia dapat memenuhi keperluan maklumat dalaman universiti dari pelbagai latarbelakang termasuk pelajar, staf, orang awam dan media setempat. • Memastikan keperluan infrastruktur komunikasi adalah mencukupi semasa pandemik. • Menyebarkan pelan universiti, aktiviti persediaan dan langkah yang diambil kepada pihak berkepentingan universiti dan media. • Menyediakan saluran komunikasi rasmi dengan KKM dan agensi lain yang berkaitan untuk berkongsi maklumat dan mengkoordinasi strategi komunikasi berkaitan wabak. • Membangunkan mekanisma maklumbalas untuk mendapatkan tahap pengetahuan dan kesedaran warga universiti terhadap wabak dan kerisauan yang wujud di kalangan warga kampus. • Menentusahkan khabar angin secara proaktif dan bertindak segera untuk membuat pembetulan maklumat.
--------------------------	--

6.2 FASA KAWALAN

KOMPONEN	PELAN TINDAKAN
<p>Perancangan dan Penyelarasan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menilai status persediaan dan mengenalpasti langkah segera yang diperlukan • Memastikan keupayaan untuk menggerakkan tenaga pakar dalam pelbagai bidang yang diperlukan semasa pandemik • Memastikan keupayaan untuk menggerakkan bekalan bahan keperluan ke kampus yang terkesan dengan segera • Membuat keputusan sama ada untuk menghantar bekalan keperluan dan ia bergantung kepada penilaian risiko

<p>Pemantauan dan Penilaian Situasi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengemaskini dari semasa ke semasa sistem pengawasan kampus bagi mendapatkan maklumat terbaharu penularan wabak dari segi bilangan, lokasi dan risiko. • Menyediakan dokumentasi maklumat kes dan pelaporan data. • Membuat pelaporan harian dari semua Jawatankuasa Penyelaras Kampus berkaitan statistik saringan, suvelian penyakit seperti influenza (ILI), jangkitan pernafasan akut yang teruk (SARI), penemuan makmal, pengesanan hubungan dan pusat kuarantin. • Membuat kerjasama dan menyusun data dengan PKD tempatan bagi tujuan kemaskini dan merancang dari segi pengesanan kontak dikalangan warga kampus. • Membuat pengenalpastian dan peramalan zon merah dan kelompok kampus dari analisis data. • Memantau pematuhan dan keberkesanan langkah-langkah pencegahan yang diambil. • Mengaktifkan pengawasan dan pemantauan staf kesihatan. • Mengesyorkan langkah-langkah untuk mengurangkan potensi jangkitan dalam kalangan warga kampus. • Menyediakan intervensi seterusnya (sekiranya ada dari KKM) sekiranya jangkitan di kalangan manusia ditemui. • Mendapatkan maklumat berkenaan penggunaan antivirus (sekiranya ada). • Mengemaskini garis panduan untuk profilaksis dan rawatan bagi penyakit tersebut (sekiranya ada). • Mengesahkan jumlah sedia ada dan tatacara proses edaran <i>PPE</i> dan ubatan / vaksin untuk menjaga staf barisan hadapan. • Memastikan edaran segera bahan ujian makmal (sekiranya diperolehi). • Membuat penilaian pelan sistem kesihatan dan kesiapsiagaan berkemungkinan untuk mula menerima sejumlah kecil pesakit di PKU. • Memaklumkan PKD berdekatan sekiranya terdapat staf atau pelajar UMK yang mengembara ke kawasan wabak dan mengenalpasti keperluan untuk pemberitahuan bagi membantu pihak KKM dalam aktiviti siasatan dan pengesanan kes.
<p>Mengurangkan penyebaran penyakit</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan kawalan pergerakan untuk kemasukan dan aliran keluar komuniti kampus dan di kalangan pelajar yang kembali dari negara-negara risiko.

	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Pembangunan Pengurusan dan Infrastruktur (3PI) dan Pejabat TNC (HEPA) perlu memastikan kebajikan dan keselamatan pelajar untuk terus tinggal di kampus. • Melaksanakan kaedah bekerja dari rumah untuk staf lain yang tidak penting (<i>non-essential service</i>). • Melaksanakan pengajaran dalam talian untuk pelajar dan menanggung skop pembelajaran yang melibatkan kaedah secara bersemuka (<i>face to face</i>) di kemudian hari. • Jabatan / unit / makmal / klinikal mestilah; <ul style="list-style-type: none"> ○ menyediakan dan melakukan inovasi ke atas alatan PPE, pembersih tangan, bahan kimia untuk dekontaminasi dan sebagainya. ○ mengenalpasti dan membasmi kuman (disinfection) pada kawasan tercemar apabila perlu (merujuk garis panduan KKM). • Pegawai kesihatan perlu memastikan pematuhan pesanan terhadap pergerakan keselamatan dan pengawalan sambil mengekalkan penjarakkan sosial. • Mencadangkan langkah-langkah bagi mengurangkan hubungan / kontak antara warga sihat dan warga yang berisiko (bergerak dari kawasan wabak, mengendalikan haiwan atau yang mana dicadangkan oleh KKM / WHO). • Sistem kesihatan perlu bersedia untuk melihat kembali plan dan bersedia kemungkinan untuk mula menerima sejumlah kecil pesakit di PKU. • Memaklumkan PKD berdekatan sekiranya terdapat staf atau pelajar UMK yang mengembara ke kawasan wabak dan mengenalpasti keperluan untuk pemberitahuan bagi membantu pihak KKM dalam aktiviti siasatan dan pengesanan kes. • Memastikan penghantaran segera peralatan pengesanan makmal (sekiranya ada).
<p>Tindakbalas Sistem Kesihatan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Latihan kepada lain-lain staf yang tidak penting (<i>non-essential service</i>) bertujuan untuk: <ul style="list-style-type: none"> ○ membantu kerja berkaitan bukan perubatan seperti pendaftaran, pemeriksaan risiko dalam talian sebelum menghadiri klinik, pengumpulan data dan pelaporan ke pusat Pasukan Pengurusan Wabak (OMT). ○ membantu aktiviti dekontaminasi apabila diperlukan. ○ membantu dan memudahkan pengurusan kebajikan para pelajar.

	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat latihan kakitangan mengenai kutipan sampel, PPE dan pengurusan kes.
Komunikasi Risiko	<ul style="list-style-type: none"> • Menyampaikan maklumat berkenaan risiko dan langkah pencegahan jangkitan berdasarkan laporan WHO/KKM. • Menyediakan saluran komunikasi pantas yang dapat menjawab persoalan dari pihak berkuasa kesihatan dan warga UMK. • Mengambil maklum kemungkinan berlakunya stigma kepada individu / keluarga / masyarakat yang ada kaitan dengan jangkitan.

6.3 FASA PEMBENDUNGAN AWAL

KOMPONEN	PELAN TINDAKAN
Perancangan dan Penyelarasan	<ul style="list-style-type: none"> • Mengaktifkan pelan kontigensi universiti • Menjalankan langkah-langkah untuk mengurangkan impak jangkitan ke kawasan kampus dan mengurangkan kadar penularan jangkitan di kampus. • Memberi penerangan kepada semua pegawai pelbagai jabatan yang berkaitan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTj) berkaitan dengan status wabak dan kemungkinan menjalankan langkah kawalan dan menggunakan peruntukan khas. • Menyemak kemudahan dan keperluan antivirus (sekiranya ada).
